

# PENGGUNAAN TEKNOLOGI E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

SHARIFAH FATIN AFIQAH BINTI SYED ABD HALIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI E-PEMBELAJARAN DALAM  
KALANGAN MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM  
DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

**SHARIFAH FATIN AFIQAH BINTI SYED ABD HALIM**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**

UPSIPS-3/BO 32  
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (v)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

/

### INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17 hari bulan Jun 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya **SHARIFAH FATIN AFIQAH BT SYED ABD HALIM, (M20201000293), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)**.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Islam.

17 JUN 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPI/IPS-3/BO 31  
Pind.: 01 m/s:1/1



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PENGUNAAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN  
MAHASISWA PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

No. Matrik /Matric's No.: M20201000293

Saya / I: **SHARIFAH FATIN AFIAH BT SYED ABD HALIM**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

**PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD**  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Kemasyarakatan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 OKTOBER 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Ilahi atas limpah kurnia, rahmat, dan petunjuk-Nya yang telah memberikan saya kekuatan, kesabaran, dan ketabahan dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Norhisham Bin Muhamad, atas bimbingan, tunjuk ajar, serta dorongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penyelidikan ini. Kesabaran, dedikasi, dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau amat saya hargai dan menjadi inspirasi dalam perjalanan akademik saya. Saya juga ingin merakamkan setulus penghargaan kepada pihak pentadbiran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) atas kesudian memberikan kebenaran serta sokongan dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih juga kepada semua responden yang telah meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dan berkongsi pandangan mereka, yang amat bermakna dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada ahli keluarga saya, khususnya ibu bapa tercinta, atas kasih sayang, doa yang berterusan, serta sokongan moral dan material yang tidak pernah putus sepanjang perjalanan akademik saya. Kepercayaan dan dorongan mereka menjadi sumber kekuatan untuk saya terus maju dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan di UPSI serta sahabat baik saya, yang telah memberikan bantuan, semangat, serta idea yang bernas sepanjang proses penyelidikan ini. Sokongan mereka, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, sangat saya hargai dan menjadi pendorong utama dalam memastikan kejayaan tesis ini. Akhir kata, kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam apa jua bentuk sepanjang kajian ini dijalankan, saya ucapkan jutaan terima kasih. Semoga segala kebaikan dan ilmu yang dikongsi sepanjang perjalanan ini mendapat keberkatan dan menjadi manfaat kepada semua.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran, sikap, dan cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa Pendidikan Islam dalam penggunaan e-pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan 234 orang mahasiswa daripada empat buah universiti, iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens seperti *ANOVA* dan analisis regresi linear. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran mahasiswa dalam penggunaan e-pembelajaran berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.97), cabaran (min = 3.81) manakala sikap mahasiswa terhadap penggunaan teknologi ini berada pada tahap yang tinggi (min = 4.09). Keputusan analisis *ANOVA* mendapati tiada perbezaan signifikan dalam tahap kemahiran mahasiswa terhadap penggunaan e-pembelajaran berdasarkan universiti ( $F(3,320) = 1.612, p = .187$ ). Walau bagaimanapun, analisis regresi menunjukkan bahawa cabaran merupakan peramal signifikan terhadap tahap kemahiran e-pembelajaran mahasiswa ( $R^2$  Terlaras = 0.257;  $F=112.877$ ;  $t = 10.624$ ;  $p < 0.001$ ), yang menjelaskan sebanyak 25.7% variasi. Dapatan ini mengesahkan bahawa meskipun mahasiswa berdepan dengan pelbagai cabaran, mereka yang mempunyai tahap kemahiran yang lebih tinggi berupaya menyesuaikan diri dan mengatasi kekangan teknologi dalam proses pembelajaran. Implikasi kajian ini mencadangkan agar pihak universiti memperkukuh sokongan infrastruktur dan latihan teknikal untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa.

## THE USE OF E-LEARNING TECHNOLOGY AMONG ISLAMIC EDUCATION UNDERGRADUATES IN HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS

### ABSTRACT

This study aims to identify the levels of skills, attitudes, and challenges faced by Islamic Education undergraduates in utilizing e-learning. A quantitative approach was employed using a questionnaire as the research instrument, involving 234 students from four universities including Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), and Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS). The data collected were analyzed using descriptive and inferential statistics such as ANOVA and linear regression analysis. The findings indicate that students e-learning skills were at a moderately high level (mean = 3.97), challenges at a moderate level (mean = 3.81), while their attitudes towards e-learning were at a high level (mean = 4.09). ANOVA results revealed no significant differences in skill levels based on the university ( $F(3,320) = 1.612$ ,  $p = .187$ ). However, regression analysis showed that challenges were a significant predictor of e-learning skills (Adjusted  $R^2 = 0.257$ ;  $F = 112.877$ ;  $t = 10.624$ ;  $p < 0.001$ ), explaining 25.7% of the variance. These findings confirm that despite facing various challenges, students with higher skill levels are more capable of adapting and overcoming technological barriers in the learning process. The implications of this study suggest that universities should enhance infrastructural support and technical training to improve the effectiveness of e-learning implementation among students.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13

1.7	Hipotesis Kajian	13
1.8	Kerangka Teori Kajian	14
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.10	Kepentingan Kajian	25
1.11	Batasan Kajian	26
1.12	Definisi Operasional	27
1.12.1	Kemahiran	27
1.12.2	Sikap	28
1.12.3	Cabaran	29
1.12.4	E-Pembelajaran	30
1.13	Rumusan	31

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	33
2.2	Maksud Teknologi Maklumat dan Komunikasi	33
2.3	Konsep E-Pembelajaran	36
2.3.1	Kaedah E-Pembelajaran	39
2.3.2	Komponen dan Aplikasi E-Pembelajaran	43
2.3.3	Perkembangan dan Peranan Sistem E-Pembelajaran di Peringkat Universiti	49
2.3.4	E-pembelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris	51
2.3.5	E-Pembelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Selangor	57
2.3.6	E-Pembelajaran di Universiti Malaya	59
2.3.7	E-Pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	61
2.4	Tahap Penggunaan E-Pembelajaran	63

2.5	Kemahiran Mengendalikan E-Pembelajaran	65
2.6	Sikap Mahasiswa terhadap E-Pembelajaran	67
2.7	Cabaran E-Pembelajaran	69
2.8	Teori -Teori Pembelajaran Masa Kini	71
2.8.1	Teori E-Pembelajaran dan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	72
2.9	Model-Model E-Pembelajaran	75
2.9.1	Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Garrison	75
2.9.2	Model Pro Brockett dan Hiemstra (1991)	77
2.10	Kajian Lepas	79
2.11	Rumusan	85

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	86
3.2	Reka Bentuk Kajian	87
3.2.1	Kajian Kuantitatif	88
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	89
3.4	Instrumen Kajian	92
3.4.1	Latar Belakang / Demografi Responden	94
3.4.2	Tahap Kemahiran Pengendalian E-Pembelajaran oleh Mahasiswa	95
3.4.3	Sikap Mahasiswa Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Kaedah E-Pembelajaran	95
3.4.4	Cabaran yang dihadapi oleh Mahasiswa semasa Mengendalikan E-Pembelajaran	96
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	96
3.6	Kajian Rintis	98

3.7	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.7.1	Etika Pengumpulan data	101
3.8	Prosedur Penganalisan Data	103
3.8.1	Analisis Deskriptif	103
3.8.2	Analisis Inferensi	104
3.10	Rumusan	105

## **BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	106
4.2	Analisis Deskriptif	107
4.2.1	Jantina	107
4.2.2	Universiti	107
4.2.3	Semester Pengajian	108
4.2.4	Kelulusan Tertinggi	108
4.2.5	Kawasan Kediaman	109
4.3	Dapatan Kajian	110
4.3.1	Tahap Kemahiran Penggunaan E-Pembelajaran	110
4.3.2	Sikap Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran	124
4.3.3	Cabaran Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran	136
4.3.4	Perbezaan Tahap Kemahiran Mahasiswa Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi E-Pembelajaran berdasarkan Universiti	149
4.3.5	Analisis Pengaruh cabaran terhadap tahap kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran	151
4.4	Rumusan	156

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	158
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	159
5.2.1	Kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi Pembelajaran	160
5.2.2	Sikap Mahasiswa Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi E-Pembelajaran	161
5.2.3	Cabaran Yang Dihadapi Oleh Mahasiswa Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi E-Pembelajaran	162
5.2.4	Perbezaan Terhadap Tahap Kemahiran Dalam Kalangan Mahasiswa Pendidikan Islam Dalam Menggunakan Teknologi E-Pembelajaran Berdasarkan Universiti	163
5.2.5	Pengaruh Cabaran Terhadap Tahap Kemahiran Mahasiswa Pendidikan Islam Semasa Menggunakan Teknologi E-Pembelajaran	164
5.3	Implikasi Kajian	165
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	168
5.5	Kesimpulan	170

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori Kajian	16
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	23
2.1 Komponen E-Pembelajaran	44
2.2 Gambar Paparan Log Masuk MyGuru	52
2.3 Gambar Paparan Senarai Subjek	53
2.4 Gambar Paparan Senarai Tugas dan Penghantaran Tugas	53
2.5 Gambar Paparan Web Conferencing	54
2.6 Paparan Masuk myLMS UIS	58
2.7 Paparan Dashboard myLMS UIS	59
2.8 Portal MAYA UM	60
2.9 Paparan Senarai Subjek di Portal SPeCTRUM	61
2.10 Paparan Utama GOALS	62
2.11 Paparan Senarai Subjek	62
2.12 Model Pembelajaran Sepanjang Hayat Garrison (1997)	75
2.13 Model PRO Brockett dan Hiemstra	76
4.1 Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual	153

## 4.2 Scatterplot

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)	90
3.2	Maklumat Bahagian Soal Selidik	93
3.3	Jadual Skala Likert	94
3.4	Interpretasi Skor Alpha Cronbach	97
3.5	Reliability Test Alpha Cronbach	99
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	100
3.7	Interpretasi Min oleh Stufflebeam (1971)	104
3.8	Analisis Statistik Inferensi Bagi Persoalan Kajian	105
4.1	Latar Belakang Responden	109
4.2	Jadual Interpretasi Skor Min	110
4.3	Analisis Statistik Tahap Kemahiran Penggunaan E-Pembelajaran	112
4.4	Analisis Statistik Sikap Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran	125
4.5	Analisis Statistik Cabaran Terhadap Penggunaan E-Pembelajaran	138
4.6	Analisis Perbezaan Tahap Kemahiran Mahasiswa Pendidikan Islam Terhadap Penggunaan Teknologi E-Pembelajaran Berdasarkan Universiti	150
4.7	Output dan Pelaporan Analisis Regresi Linear Berganda	151
4.8	Jadual <i>ANOVA</i> <sup>a</sup>	152

4.9	Jadual <i>Coefficients</i> <sup>a</sup>	152
4.10	Jadual Residual Statistics <sup>a</sup>	153
4.11	Ringkasan Analisis Regresi Linear Berganda	155
4.12	Ringkasan Hipotesis	156

## SENARAI SINGKATAN

AI	<i>Artificial Intelligent</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
ASTD	<i>American Society for Training Development</i>
CD ROM	<i>Compact Disc Read Only Memory</i>
Covid-19	<i>Coronavirus Disease 2019</i>
ELIT	<i>Electronic Instruction and Learning</i>
GOALS	<i>Global Open Access Learning System</i>
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IPG	Institut Pengajian Guru
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
LAN	<i>Local Area Network</i>
LMS	<i>Learning Management System</i>
MoU	<i>Memorandum of Understanding</i>
OUM	<i>Open University Malaysia</i>
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran

PBW	Pembelajaran Berasaskan Web
PDPCJJ	Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh
PDT	Pembelajaran Dalam Talian
PI	Pendidikan Islam
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PRO	<i>Personel Responsibility Orientation Model</i>
QR Code	<i>Quick Response Code</i>
SPeCTRUM	<i>Student Powered E-Collaboration Transforming UM</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UIS	Universiti Islam Antarabangsa Selangor
UM	Universiti Malaya
UPBK	Unit Pembelajaran Berasaskan Konsep
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
VLE	<i>Virtual Learning Environment</i>
WAN	<i>Wide Area Network</i>



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pengenalan

Menurut Zuliana dan Roslinda (2019), perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah memberikan cabaran baru kepada dunia pendidikan yang tercetus daripada kesan globalisasi, liberalisasi dan pengantarabangsaan. Menurutnya, penggunaan komputer merupakan sesuatu yang tidak asing lagi ada masa kini dalam dunia pendidikan kerana ianya bersifat terkini. Pada pendapat penulis, seiring dengan peredaran masa, e-pembelajaran atau *e-learning* adalah antara kaedah pembelajaran masa kini yang diterima baik oleh masyarakat di seluruh dunia lebih-lebih lagi sejak negara dilanda wabak *Covid-19*. Hal ini bukan sahaja memberi kesan kepada kaedah pembelajaran secara konvensional menjadi tertangguh, malah menjadikan proses pembelajaran para pelajar menjadi semakin



mencabar apabila perlu menyesuaikan diri dengan keadaan norma baru yang memerlukan sesi pembelajaran dijalankan secara atas talian pada masa tersebut.

E-pembelajaran merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (*LAN*, *WAN* atau internet) sebagai medium penyampaian maklumat, kandungan pembelajaran, medium komunikasi dan pemudahcaraan (Wahyu & Yahya, t.t). Dalam e-pembelajaran, fokus utamanya adalah pelajar. Menurut Badrul Khan (2005), e-pembelajaran merupakan satu pendekatan yang inovatif bagi menyampaikan perkara yang menarik, berpusatkan kepada pelajar dan suasana kemudahan pembelajaran kepada sesiapa sahajatanpa mengira tempat dan waktu. Oleh itu, pada pandangan penulis, suasana pembelajaran secara maya ini secara tidak langsung akan memaksa pelajar untuk menjadi lebih berdikari dan berdisiplin dalam mengurus jadual pembelajaran sebaiknya.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat kecemerlangan dalam akademik, kajian lalu telah menegaskan bahawa salah satu penentuan prestasi individu adalah usaha bersungguh-sungguh dengan menggunakan segala sumber dan kemahiran yang adalah untuk mencapai kecemerlangan akademik (Mohamad Shatar et. al., 2006). Menurut Berge (2001), teknologi diperlukan dalam pendidikan tinggi bagi tujuan meningkatkan kualiti dalam pembelajaran serta laluan masuk bagi pendidikan dan kursus. Selain itu, ianya juga dapat menjimatkan perbelanjaan pendidikan dan serta meningkatkan kualiti keberkesanan pendidikan. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa e-pembelajaran dalam kalangan

mahasiswa ini perlu dikaji dengan lebih mendalam agar ianya dapat diterapkan secara maksimum, berkesan dan berkonsepkan pedagogi.

Berdasarkan dapatan kajian yang lepas, pengkaji mendapati kesukaran dalam mengenalpasti sejauh mana tahap penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan kajian-kajian lepas yang kebanyakannya memberi tumpuan dalam kalangan guru di peringkat sekolah seperti kajian Aliff Nawi et. al. (2014), Wahyu & Yahya (2006), Muhammad Zulazizi (2020), Kamarul Azmi Jasmi et.al. (2012), Wan Ismail et. al. (2015) dan Hasnuddin Ab Rahman et. al. (2015).

Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa juga hanya mengkaji jurusan-jurusan yang lain seperti kajian Muhammad Sukri et. al. (t.t) iaitu pendidikan teknik dan vokasional, kajian Ros Aiza Mohd Mokhtar (2019) iaitu memfokuskan kepada kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Mohd Fadzli & Normah (2011) bagi jurusan telekomunikasi dan rangkaian, Roslaili & Wan Zamani (2015) iaitu bagi jurusan pendidikan seni visual dan Agatha & Muhamad Suhaimi (2016) iaitu kajian terhadap pelbagai jurusan program ijazah sarjana perguruan. Namun, kajian e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam didapati kurang dijalankan.

Justeru, pengkaji mendapati bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji tahap kemahiran, tahap sikap, dan cabaran yang dihadapi semasa menggunakan e-



pembelajaran. Selain itu, pengkaji juga ingin mengenalpasti perbezaan tahap kemahiran dan tahap sikap mahasiswa di peringkat universiti dalam mengendalikan teknologi e-pembelajaran.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Hazwani et. al. (2016), seiring dengan arus pemodenan masa kini, e-pembelajaran atau dikategorikan sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat dan kewujudannya diterima baik oleh komuniti global. Menurutnya, pengaplikasian e-pembelajaran merupakan antara medium yang berkesan bagi sesebuah institusi pengajian tinggi dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan kemudahan yang lengkap untuk mencapai misi dan dasar pembelajaran yang berkualiti bertepatan dengan kehendak pelajar pada masa kini.

Menurut Losius et. al. (2020), sejak pandemik *Covid-19* telah melanda hampir keseluruhan negara di dunia ianya memberi kesan yang drastik dalam kehidupan manusia. Menurutnya, sistem pembelajaran di negara ini turut terkesan apabila kerajaan memutuskan untuk menutup operasi pembelajaran secara bersemuka di semua institusi pendidikan seluruh negara sebagai salah satu usaha untuk mencegah penularan virus *Covid-19* sewaktu penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Berdasarkan garis panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) semasa PKP yang dikeluarkan oleh KPM, sepanjang penguatkuasaan PKP, warga pendidik perlu merancang,



menyedia dan menyampaikan pembelajaran dengan menggunakan medium komunikasi dan aplikasi yang sesuai kepada pelajar yang berada di rumah masing-masing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Sebagai seorang mahasiswa yang turut terkesan dengan arus pemodenan teknologi ini, pengkaji mendapati timbul beberapa isu yang menjadi permasalahan khususnya dalam kalangan mahasiswa di peringkat universiti yang terjejas sejak berlakunya wabak *Covid-19* yang melanda negara sekaligus menyebabkan proses pembelajaran tidak lagi boleh dijalankan secara bersemuka seperti biasa dan ditukar kepada alternatif pembelajaran secara *online* sehinggalah ianya terus diaplikasikan secara meluas pada masa kini. Antara permasalahan dan kekangan yang dikenalpasti adalah kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang terhad (Norazlin & Siti, 2019).

Selain itu, menurut Hazwani et. al. (2016), berdasarkan kajian yang telah dilakukan, faktor dalaman diri pelajar (sikap) dan faktor luaran seperti kemudahan prasarana amat mempengaruhi tahap kebekersanan pembelajaran secara *e-learning*. Pada pendapat penulis, sikap dan disiplin yang diberikan oleh mahasiswa merupakan sangat penting dalam menjayakan pembelajaran secara atas talian. Hal ini adalah kerana mereka tidak dipantau sepertimana keadaan pembelajaran secara bersemuka. Jadi, berkemungkinan ada yang tidak mengambil serius dengan tuntutan hakiki sebagai seorang mahasiswa dalam melibatkan diri dalam sesi pembelajaran atas talian. Hal ini boleh menjejaskan keberkesanan e-pembelajaran jika ianya berterusan seperti ini. Oleh itu, penulis merasakan

ianya sesuatu yang penting untuk dikaji, sejauh manakah tahap penggunaan e-pembelajaran khususnya kepada mahasiswa di peringkat universiti.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Dalam era digitalisasi, e-pembelajaran menjadi kaedah utama yang banyak digunakan dalam sistem pendidikan tinggi. Walaupun platform e-pembelajaran seperti *Google Classroom*, *Microsoft Teams* dan *Moodle* banyak digunakan, akan tetapi tahap keberkesannya masih menjadi perdebatan. Sebagai contoh, antara isu utama yang dihadapi adalah tahap kesediaan mahasiswa, asas kemahiran teknologi, keberkesanan pemahaman dan penguasaan ilmu, tahap interaksi dan kolaborasi dan cabaran pengurusan masa dan disiplin dalam mengendalikan e-pembelajaran. Menyesuaikan diri dengan sesuatu yang di luar kebiasaan lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan penggunaan teknologi, bukanlah sesuatu yang mudah.

Antara cabaran kaedah pembelajaran dalam talian ialah masalah logistik dan organisasi, terutamanya jika terdapat kekangan akses internet dan kemahiran serta sikap mahasiswa menghadapi cabaran dalam mengurus masa dan mengekalkan disiplin diri semasa pembelajaran dalam talian terutamanya apabila tiada struktur kelas fizikal yang tetap (Nur Farhana & Nurul Jannah, 2022). Menurut Idawarna Hasin et. al. (2022), perubahan sikap seseorang untuk beradaptasi dengan peralatan pembelajaran digital merupakan satu cabaran pada masa kini. Ianya menunjukkan bahawa adalah menjadi satu

keperluan bagi mahasiswa untuk mempunyai pengurusan masa yang bijak dan mengekalkan disiplin diri tanpa adanya pengawasan secara langsung oleh pensyarah (Nurul Nabila & Mohd Zarir, 2023).

Bagi membendung masalah-masalah berikut, warga pendidik dan juga pelajar perlulah seiring dalam menguasai penggunaan teknologi dalam pendidikan ini. Hal ini adalah kerana pendekatan dan strategi pengajaran memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Amalan pedagogi serta pengajaran yang terbaik haruslah merangkumi pelbagai kaedah yang digabungkan seperti strategi PdP, teknik, pendekatan dan bahan bantu mengajar yang digabung dengan sebaiknya agar dapat mewujudkan kombinasi yang seimbang antara pemusatan warga pendidik, para pelajar dan bahan pembelajaran sekaligus membantu para pelajar untuk kekal fokus sepanjang sesi pembelajaran. Selain itu, menurut Masitah (2009), sikap pelajar terhadap penggunaan ICT adalah berdasarkan kepada keperluan dan minat.

Masalah gangguan sambungan internet juga merupakan kekangan utama terhadap keperluan dalam menggunakan kaedah ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Norazlin dan Siti (2019), cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 adalah kekangan masa, pengetahuan yang kurang mencukupi serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang terhad. Punca utama yang menjadi permasalahan dari sudut akses kepada teknologi ini ialah keterbatasan akses internet dan peranti, lebih-lebih lagi jika berada di kawasan yang mempunyai sambungan internet yang tidak stabil (Muhammad Turmuzi et. al. 2021). Hal ini menyebabkan berlakunya kesukaran untuk

mengikuti pembelajaran di dalam talian. Hal ini turut disokong oleh Nurul Nabila & Mohd Zarir (2023) yang menyatakan bahawa daripada hasil penelitian yang mereka laksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), menunjukkan bahawa salah satu cabaran utama dalam e-pembelajaran adalah akses kepada internet yang stabil dan kesesuaian peranti elektronik terutamanya bagi mahasiswa yang berasal dari luar bandar. Selain itu, kos internet yang tinggi juga menjadi satu kekangan kepada mahasiswa untuk mengikuti pembelajaran atas talian, lebih-lebih lagi bagi mereka yang berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah (Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat, 2021). Terdapat juga cadangan yang dikemukakan oleh mahasiswa Pengajian Islam di UIS iaitu membuat penambahbaikan dari segi pembangunan kemudahan dan fasiliti atas talian bagi memudahkan proses e-pembelajaran dilaksanakan (Mohd Noor, Rosni & Kamal Azmi, 2021).

Menurut Hazura Mohamed et. al. (2012) walaupun beberapa inisiatif telah diambil bagi merapatkan jurang digital di Malaysia, usaha yang lebih diperlukan terutamanya untuk tujuan peningkatan status ekonomi dan pendidikan. Menurut Harits (2020), masalah ini bukan sahaja dialami oleh pelajar di peringkat rendah atau menengah, sebaliknya turut melibatkan golongan profesional dan penuntut di peringkat pengajian tinggi. Golongan profesional dan pelajar di peringkat pengajian tinggi mengadu berkenaan kesukaran pembelajaran dalam talian di rumah, sama ada kekurangan akses internet di kawasan pedalaman atau kekurangan infrastruktur.

Menurut Noraini et.al. (2013), berdasarkan hasil analisis yang dilakukan terhadap peratusan dan tahap penggunaan inovasi teknologi *EduwebTV* dalam kalangan pendidik ianya juga membuktikan bahawa majoriti 55.8% guru jarang menggunakan *EduwebTV* atau kurang 2 kali dalam sebulan untuk menggunakan *EduwebTV* untuk PdP yang mana ianya menunjukkan tahap penggunaan yang rendah. Menurut Naquiah (2016), berdasarkan kajian yang dilaksanakan, majoriti guru Pendidikan Islam tidak mempunyai persediaan rapi, tiada rancangan mengajar yang berkesan, kerap menggunakan strategi berpusatkan guru, menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang tidak pelbagai serta membosankan, kurang kreatif dan inovatif serta kurang mahir dalam pengendalian bahan bantu mengajar berbentuk teknologi. Penulis merasakan hal ini perlu diambil perhatian memandangkan generasi guru yang akan datang lahir daripada golongan mahasiswa kini yang sememangnya perlu arif dalam pembelajaran berdasarkan teknologi maklumat memandangkan zaman kian berubah dan semakin maju.

Menurut Ahmad (2010), berdasarkan kajian terhadap pelaksanaan e-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia Skudai, ianya berada pada tahap sederhana. Ekoran hal tersebut, pihak fakulti perlu meningkatkan lagi kesedaran pelajar terhadap kepentingan e-pembelajaran. Menurut Hazwani et. al. (2016), berdasarkan kajian yang telah dilakukan, ianya menunjukkan bahawa faktor dalaman diri pelajar dan faktor luaran seperti kemudahan prasarana amat mempengaruhi tahap keberkesanan e-pembelajaran.

Menurut Ansary et. al. (2010), antara cabaran mewujudkan persekitaran e-pembelajaran yang berkesan ialah cabaran bagi pensyarah dan pembina pembelajaran dalam talian (PDT) membina satu persekitaran e-pembelajaran yang berpusatkan pelajar, berpusatkan kandungan, berpusatkan komuniti dan berpusatkan penaksiran. Selain itu, isu-isu dan cabaran yang dikenalpasti dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian adalah berkaitan pembinaan persekitaran e-pembelajaran yang berkesan, kepentingan interaksi, akses teknologi, piawai e-pembelajaran, jaminan kualiti sumber, kekurangan sumber, tentangan terhadap perubahan, harta intelektual dan hak cipta serta sokongan institusi (Ansary et. al. , 2010).

Menurut Abdul Jasheer et. al. (2019), isu-isu yang selalu wujud dalam pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah berpunca daripada faktor kekurangan perkakasan dan perisian komputer, masalah bantuan kewangan, kekurangan bantuan teknikal dan latihan. Selain itu, sokongan teknikal juga perlu ditambah baik seperti kelajuan capaian internet dan kemudahan peranti komputer yang terkini. Pihak institusi juga disarankan agar menyediakan latihan kepada pensyarah untuk mengasah kemahiran mengajar mereka dengan menggunakan teknologi pendidikan yang terkini dalam usaha untuk memperkasa kemahiran penggunaan teknologi pembelajaran dalam kalangan pelajar masa kini. (Melor & Mohd Zairey, 2020).

Menurut Rahayu et. al. (2020), sejak berlakunya pandemik *Covid-19* dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ianya telah mendorong kepada peningkatan kompetensi penggunaan komunikasi terkini (*Google meet, Skype*). Oleh itu organisasi perlulah

merancang dan memastikan kesediaan infrastruktur yang disediakan seiring dengan teknologi terkini. Oleh itu, berdasarkan kajian daripada Masitah (2009), Ansary et. al. (2010), Hazwani et. al. (2016), Norazlin & Siti (2019), Abdul Jasheer et. al. (2019), Melor & Mohd Zairey (2020), kebanyakannya menjurus kepada kekangan dari sudut infrastruktur, capaian internet, akses teknologi, kemahiran mengendalikan teknologi serta faktor dalaman diri pelajar dan juga pensyarah.

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, pengkaji mendapati masih lagi terdapat kekangan dalam mengendalikan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pelajar di peringkat IPT dan bukan sahaja di peringkat sekolah, sedangkan banyak inisiatif yang telah diambil oleh pihak kementerian tertentu bagi membendung masalah tersebut. Justeru, untuk meningkatkan tahap penggunaan e-pembelajaran di peringkat IPT, pengkaji merasakan bahawa isu ini merupakan sesuatu yang perlu dikaji dan diberi perhatian lebih-lebih lagi sejak ianya giat dilaksanakan ketika negara dilanda wabak *Covid-19* sebelum ini. Semestinya, ianya memberi kesan dalam amalan pengajaran secara maya yang menjadi norma baru bagi dunia pendidikan kini. Malah ianya sudah menjadi suatu keperluan memandangkan negara kita juga turut seiring menongkah arus dalam penerokaan dunia digital dalam bidang pendidikan. Di samping itu, pengkaji juga berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang membacanya.

## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar melalui teknologi e-pembelajaran serta cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan kaedah e-pembelajaran.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi tujuan menjawab kesemua objektif berikut:

1. Menentukan tahap kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam dalam mengaplikasikan teknologi e-pembelajaran.
2. Menenalpasti sikap mahasiswa pendidikan Islam dalam penggunaan teknologi e-pembelajaran.
3. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa pendidikan Islam dalam penggunaan teknologi e-pembelajaran.
4. Menenalpasti perbezaan tahap kemahiran dalam kalangan mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran berdasarkan universiti.
5. Menenalpasti pengaruh cabaran terhadap tahap kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran.

## 1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab kesemua objektif seperti berikut:

1. Apakah tahap kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran?
2. Apakah tahap sikap mahasiswa pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran?
4. Adakah terdapat perbezaan terhadap tahap kemahiran dalam kalangan mahasiswa Pendidikan Islam dalam menggunakan teknologi e-pembelajaran berdasarkan universiti?
5. Adakah terdapat pengaruh cabaran terhadap tahap kemahiran mahasiswa pendidikan Islam semasa menggunakan teknologi e-pembelajaran?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan tanggapan awal penulis terhadap tajuk yang akan dikaji sebelum memulakan kajian. Hipotesis kajian menjadi garis panduan bagi memudahkan penulis mengkaji tajuk latihan ilmiah ini.



#### **Objektif 4:**

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran mahasiswa pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran berdasarkan universiti.

#### **Objektif 5:**

Ho2: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara cabaran dan tahap kemahiran mahasiswa Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi e-pembelajaran.



### **1.8 Kerangka Teori Kajian**

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengkaji penggunaan teknologi e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam dalam proses pembelajaran. Kajian ini merujuk kepada teori kemahiran berfikir menurut Ibnu Khaldun. Islam telah meletakkan proses keilmuan berteraskan kemahiran berfikir didokong dengan menggabung jalinkan sumber *aqli* dan *naqli* iaitu sumber Rabbani yang mencakupi panduan wahyu, ilham dan sumber insani iaitu akal dan pancaindera (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020; Ibn Khaldun, 2006).




Teori kemahiran berfikir digunakan di dalam kajian ini adalah untuk mengukur objektif kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam di mana e-pembelajaran merupakan medium utama yang digunakan sebagai kaedah pembelajaran pada masa kini. Aspek utama yang ingin dilihat melalui teori ini adalah aspek kemahiran pengendalian e-pembelajaran yang mencakupi tahap pengetahuan terhadap penggunaan e-pembelajaran, diikuti dengan sikap mahasiswa terhadap penggunaan e-pembelajaran serta cabaran-cabaran yang dihadapi semasa mengendalikan pembelajaran menggunakan teknologi.

Kemahiran dalam mengendalikan teknologi e-pembelajaran ini semestinya memerlukan daya fikir yang optimum agar seseorang individu itu dapat mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan teknologi e-pembelajaran dengan adanya daya kemahiran berfikir yang mampu mendorong seseorang itu untuk membuat keputusan dan tindakan yang bertepatan dengan apa yang dicarinya. Ibnu Khaldun menegaskan kepentingan ilmu pengetahuan (*makrifah*) dan sifat mengetahui (*iradah*) dapat membezakan antara manusia dan makhluk lain yang dinamakan haiwan (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Menurut Ibnu Khaldun (2006), kemampuan berfikir mempunyai empat peringkat iaitu mengaplikasi (*'Aql Tamyiz*), menganalisis (*'Aql al-Tajribi*), menilai (*'Aql an-Nazari*) dan mencipta (*al-Hakikah* Insaniyah). Di dalam teori kemahiran berfikir oleh Ibnu Khaldun, beliau meletakkan aras kemahiran berfikir bagi setiap orang memerlukan kepada mengaplikasi ilmu pengetahuan yang dimilikinya (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Rajah 1.1 di bawah menunjukkan aras kemahiran berfikir menurut Ibnu Khaldun.

## Rajah 1.1

### Kerangka Teori Kajian



*Sumber: Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki (2020); Ibnu Khaldun (Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).*

Peringkat pertama ialah pemahaman intelek manusia terhadap sesuatu yang berada di luar alam semesta, yang merupakan satu tanggapan individu. Peringkat ini membolehkan akal membuat perbezaan (*Aql-Al-Tamyiz*) di mana manusia memperoleh sesuatu yang bermanfaat untuk diri dan kehidupannya serta dijauhkan dari perkara-perkara yang mendatangkan mudarat (Ibnu Khaldun, 2006). Hal ini bermaksud, pada peringkat pertama ini, individu mampu mengaplikasikan ilmu yang ada untuk berfikir secara rasional dan mendatangkan manfaat untuk beramal (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020).

Ianya boleh diterapkan di dalam proses mendalami ilmu dan kemahiran mengendalikan pembelajaran secara *e-learning*.

Bagi peringkat kedua ialah kemampuan berfikir untuk menyediakan manusia dengan segala idea dan perilaku yang diperlukan antara manusia dengan persekitarannya melalui pengalaman (*tashdiqat*) yang dikenali sebagai pemikiran eksperimen (Ibnu Khaldun, 2006). Hal ini bermaksud, peringkat ini perlukan banyak tindakan dana amalan bagi memperoleh pelbagai pengamalan untuk mengambil hikmah dan melakukan penambahbaikan seperti kemahiran menganalisa sesuatu hasil dapatan setelah mempelajari sesuatu perkara (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020).

Peringkat ketiga ialah kemampuan untuk berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (*al-ilm*) atau pengetahuan andaian (*dzann*) dan disebut sebagai spekulatif (*al aql an nadzari*) (Ibnu Khaldun, 2006). Pemikiran ini juga mengandungi tanggapan, pengamatan tasawwur dan tashdiq (Ibnu Khaldun, 2006). Dengan adanya pelbagai pengalaman dan meneroka beberapa ilmu yang lebih pada peringkat ini, seseorang itu mampu membuat perbandingan dan penggabungan antara beberapa pengetahuan dalam penghasilan ilmu pengetahuan yang baru (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Sebagai contoh ketika proses mendalami ilmu mengenai teknologi e-pembelajaran dan menguasai kemahiran-kemahiran yang baru dengan menggabung jalinkan ilmu-ilmu yang dipelajari agar proses belajar menjadi lebih mudah dan lancar.

Peringkat yang keempat ialah peringkat untuk memberi tanggapan mengenai kewujudan sesuatu perkara berdasarkan tahap kepintaran yang berbeza, sebab dan puncanya (Ibnu Khaldun, 2006). Dengan kemampuan berfikir pada tahap ini, manusia berupaya mencapai kesempurnaan dalam kebenarannya, serta menjadi insan intelek yang mempunyai jiwa yang bersih (*al hakikah al insaniyah*) (Ibnu Khaldun, 2006). Kesempurnaan bagi manusia menerusi penguasaan aras-aras pemikiran tersebut akan mendorong kepada pengertian hakikat manusia melalui akal yang berkualiti dan jiwa yang mantap (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Hal ini adalah kerana, pada peringkat tertinggi ini, manusia perlu berfikir hikmah disebalik yang berlaku dan mengaitkan dengan kebaikan dan ianya adalah didikan daripada Tuhan untuk mereka yang berfikir (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020).

Penjelasan yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun mengenai tahap-tahap pemikiran mempunyai batasannya yang tersendiri. Melalui proses pendidikan pemikiran secara individu, Ibnu Khaldun memberi penekatan terhadap kepentingan ilmu dan kemahiran yang mampu membina akal pemikiran seseorang individu (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Beliau menyatakan bahawa penyuburan akal dan pemikiran dapat ditingkatkan melalui gabungan pelbagai kemahiran dan bakat (*malakah*). Kesepaduan di antara proses kemahiran dengan bakat mampu menghasilkan suatu ilmu yang berupaya meningkatkan daya pemikiran seseorang (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020).

Menurut Seri Lanang dan Dahlia (2013), segala maklumat berkaitan inovasi baharu iaitu e-pembelajaran dikumpulkan dan difahami melalui langkah-langkah seperti

menambah pengetahuan berkaitan e-pembelajaran, berusaha untuk memahami konsep e-pembelajaran, berusaha untuk memahami perkara-perkara berkaitan e-pembelajaran, menyertai kursus berkaitan e-pembelajaran, berbincang dengan rakan mengenai e-pembelajaran dan sebagainya. Ianya perlulah melalui proses kemahiran berfikir terlebih dahulu agar penerapan ilmu dapat dimanfaatkan secara optimum dalam proses e-pembelajaran berlangsung bertepatan dengan teori kemahiran berfikir yang diterapkan oleh Ibnu Khaldun.

Terdapat perkaitan antara teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun ini dengan objektif kajian yang menjadikan ianya digunapakai di dalam kajian ini. Teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun berasaskan konsep Malakah di mana ianya dapat dikaitkan secara langsung dengan objektif di dalam kajian ini di mana konsep ini merujuk kepada kecekapan atau kemahiran yang diperolehi melalui latihan yang berulang serta pengalaman yang konsisten (Mohd Syaubari, Ahmad Amir & Ahmad Yunus, 2017). Jika dikaitkan dari aspek kemahiran dikatakan berkembang melalui proses latihan berperingkat dan pengalaman yang berterusan. Menurut Ibnu Khaldun, sesebuah kemahiran dapat dikuasai setelah melalui proses *tadarruj* iaitu perkembangan secara bertahap dan *tikrar* iaitu pengulangan dalam pembelajaran (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020).

Oleh itu, di dalam kajian ini tahap kemahiran mahasiswa dalam penggunaan e-pembelajaran boleh dikategorikan mengikut tiga tahap perkembangan akal yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun iaitu *Aql Tamyizi* (Akal Pembeza), *Aql Tajribi* (Akal Pengalaman) dan *Aql Nazari* (Akal Teoritis). Ketiga-tiga tahap perkembangan akal ini

bersesuaian dalam mentakrifkan aspek kemahiran dalam kajian ini. *Aql Tamyizi* dapat diklasifikasikan kepada mahasiswa yang masih baru diperkenalkan kepada e-pembelajaran dan memerlukan bimbingan untuk menggunakannya. *Aql Tajribi* pula merujuk kepada mahasiswa yang telah terbiasa dengan penggunaan e-pembelajaran dan menggunakannya secara aktif. Manakala, *Aql Nazari* pula boleh dikategorikan kepada mahasiswa yang mempunyai keupayaan untuk menggunakan e-pembelajaran secara kritis dan inovatif dalam pembelajaran. Ini jelas menunjukkan bahawa teori ini bersesuaian dan bertepatan dalam menginterpretasi objektif kajian ini dari aspek kemahiran.

Sikap mahasiswa terhadap e-pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penerimaan mereka terhadap teknologi. Teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun ini juga mempunyai perkaitan dari sudut sikap. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa sikap dan motivasi seseorang memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran (Mohd Azolman, 2021). Teori ini turut disokong oleh *Technology Acceptance Model (TAM)* yang menjelaskan bahawa penerimaan teknologi bergantung kepada dua faktor utama iaitu *Perceived Usefulness* dan *Perceived Ease of Use*. *Perceived Usefulness* merupakan persepsi bahawa teknologi akan meningkatkan prestasi pembelajaran manakala *Perceived Ease of Use* pula merupakan persepsi bahawa teknologi mudah digunakan dan tidak membebankan (Davis, F.D, 1989). Hal ini menunjukkan bahawa teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun ini mempunyai perkaitan dengan faktor sikap dan bertepatan dengan objektif kajian yang ingin mengkaji sikap mahasiswa terhadap penggunaan e-pembelajaran.

Dalam mengendalikan e-pembelajaran semestinya ada cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh sebahagian mahasiswa bagi menjayakan sesebuah proses pembelajaran. Hal ini bertepatan dengan teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa pembentukan *malakah* memerlukan usaha yang berterusan dan cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses perkembangan kemahiran (Mohd Syaubari, Ahmad Amir & Ahmad Yunus, 2017). Dalam konteks e-pembelajaran, cabaran yang mungkin dihadapi oleh mahasiswa adalah cabaran teknikal, cabaran kognitif dan cabaran motivasi.

Cabaran teknikal adalah seperti ketiadaan peralatan yang mencukupi, akses internet yang lemah atau perisian yang tidak mesra pengguna. Cabaran kognitif pula ialah kesukaran dalam memahami teknologi atau kurangnya latihan yang mencukupi bagi membolehkan seseorang itu cekap dalam mengendalikan teknologi. Manakala, cabaran motivasi pula ialah kurangnya minat atau keengganan menggunakan teknologi sebagai medium pembelajaran. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa mahasiswa yang berjaya mengatasi cabaran ini lebih berpotensi mencapai tahap *Aql Tajribi* dan *Aql Nazari*.

Pengkaji juga ingin mengenalpasti perbezaan tahap kemahiran berdasarkan universiti dan ianya juga bersesuaian dengan teori yang digunakan ini untuk dijadikan sandaran. Faktor persekitaran dan sistem pendidikan mempengaruhi tahap perkembangan intelektual seseorang. Menurut *Diffusion of Innovation Theory* (Rogers E. M., 2003), tahap kemahiran mahasiswa terhadap teknologi e-pembelajaran bergantung kepada persekitaran pendidikan di universiti mereka. Sebagai contoh, universiti yang mempunyai sistem e-



pembelajaran yang sistematis dan latihan yang berkala akan menghasilkan mahasiswa yang lebih cekap (*Aql Nazari*). Manakala, universiti yang masih kurang mendedahkan mahasiswa kepada teknologi e-pembelajaran mungkin melahirkan mahasiswa yang masih di tahap *Aql Tamyizi*.

Seterusnya, pengkaji juga ingin mengenalpasti pengaruh cabaran terhadap tahap kemahiran mahasiswa dalam penggunaan e-pembelajaran. Berdasarkan konsep *Malakah*, di dalam teori kemahiran berfikir Ibnu Khaldun, ada dinyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh seseorang dapat menentukan sejauh mana mereka berjaya membentuk kemahiran dalam sesuatu bidang (Muhammad Talhah & Ahmad Marzuki, 2020). Contohnya jika mahasiswa menghadapi cabaran seperti kurangnya akses kepada teknologi, sukar menyesuaikan diri dengan e-pembelajaran atau kekurangan latihan dan bimbingan, ianya memberi satu kesukaran kepada mahasiswa dalam menggunakan e-pembelajaran sebagai medium belajar.

Keadaan ini akan menunjukkan bahawa perkembangan kemahiran mereka masih belum mencapai tahap yang memuaskan dan kekal berada dalam kategori *Aql Tamyizi*. Sebaliknya, jika mahasiswa dapat mengatasi cabaran-cabaran tersebut, ianya menunjukkan bahawa mereka akan dapat mencapai tahap *Aql Tajribi* atau *Aql Nazari* sekaligus dapat meningkatkan keberkesanan penggunaan teknologi dalam pembelajaran mereka. Menurut Mohd Azolman (2021), mahasiswa yang mempunyai akses kepada latihan dan sokongan lebih cenderung untuk mencapai tahap kemahiran yang lebih tinggi. Oleh itu, kajian ini



akan menganalisis sejauh mana cabaran yang dihadapi mempengaruhi tahap kemahiran mahasiswa dalam e-pembelajaran.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian merupakan satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas kronologi, bentuk kajian, matlamat kajian atau fasa-fasa yang terdapat di dalam kajian. Berikut merupakan kerangka konseptual kajian pengkaji:

### Rajah 1.2


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

#### *Kerangka Konseptual Kajian*



Berdasarkan kerangka koseptual kajian di atas, ianya merupakan sebuah rangka kajian untuk memudahkan pengkaji merujuk dan memahami proses-proses yang perlu

dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas kajian dijalankan (Nik Zulkarnain, 2015). Berdasarkan rajah 1.2 perkara utama yang dilihat oleh pengkaji ialah penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam. Antara pemboleh ubah yang terlibat dalam penggunaan e-pembelajaran ialah tahap kemahiran, tahap sikap dan cabaran yang dihadapi. Pemboleh ubah ini akan menjadi petunjuk kepada persoalan yang dikaji oleh pengkaji. Hasil daripada kajian ini akan mewujudkan elemen pengetahuan yang perlu ada dalam penggunaan kaedah e-pembelajaran sebagai medium pembelajaran maya.

### 1.10 Kepentingan Kajian

Diharapkan agar kajian ini akan memberi manfaat buat semua mahasiswa di IPT terutamanya serta seluruh warga pendidik. Input yang diperoleh diharap dapat meningkatkan lagi aktiviti pembelajaran mahasiswa dengan lebih berkesan. Kesedaran tentang pentingnya pembelajaran secara *e-learning* ini penting bagi melahirkan mahasiswa yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berketrampilan serta mampu menjadi bakal pendidik yang *versatile* dan celik IT, lebih-lebih lagi mereka ini merupakan bakal guru kepada generasi baru yang celik teknologi.

Selain itu, dapatan kajian ini membolehkan mahasiswa dan pihak universiti mengetahui sejauh manakah keberkesanan penggunaan e-pembelajaran terhadap pembelajaran akademik mahasiswa serta cabaran dan kekangan yang dihadapi lebih-lebih



lagi dari sudut kekangan infrastruktur semasa menggunakan kaedah e-pembelajaran agar kekangan tersebut dapat dibendung dengan cara dan alternatif lain yang lebih berkesan.

Secara ringkasnya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam bidang pendidikan seperti golongan mahasiswa, barisan pensyarah, pihak fakulti dan perancang kurikulum khususnya bagi matapelajaran Pendidikan Islam agar dapat mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperkasa penggunaan e-pembelajaran sebagai medium pembelajaran norma baru, mengekang cabaran yang mempengaruhi kelancaran proses pembelajaran secara maya dan membentuk disiplin mahasiswa dalam mengurus gaya pembelajaran maya ini berjalan dengan lancar.



## **1.11 Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan mahasiswa di peringkat ijazah sarjana muda yang mengambil jurusan pendidikan Islam di bawah jabatan pengajian Islam di IPT di kawasan zon tengah sahaja iaitu melibatkan mahasiswa dari Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS). Pilihan pelajar yang berada pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda adalah kerana kebarangkalian mereka menggunakan e-pembelajaran adalah tinggi dan mereka sepatutnya lebih banyak mendapat pendedahan tentang proses e-pembelajaran lebih-lebih lagi kini ianya digunakan secara meluas sejak negara dilanda wabak *Covid-19*.



Oleh itu, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada mahasiswa yang lain kecuali ciri-ciri pelajarnya sama seperti responden pengkaji.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama kajian. Borang soal selidik mudah untuk dijawab dan sesuai untuk diedarkan kepada mahasiswa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kemahiran, tahap sikap dan cabaran dalam mengendalikan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa pendidikan Islam di empat buah IPT yang terlibat di Zon Tengah. Kajian ini berpandukan kepada model pembelajaran berasaskan *web*.

Mahasiswa Pendidikan Islam di keempat-empat buah universiti tersebut adalah seramai 2010 orang iaitu seramai 744 orang dari UPSI, 549 orang dari UIS, 336 orang dari UM dan 381 orang dari USIM. Oleh itu, pengkaji memilih seramai 324 orang. Oleh demikian, sampel dalam kajian ini telah dipilih berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Menurut beliau, bagi populasi 2010 orang, maka sampel kajian adalah sekitar 324 orang mahasiswa. Oleh itu, mahasiswa yang terlibat sebagai sampel kajian adalah merangkumi mahasiswa daripada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mengambil jurusan Pendidikan Islam. Pemilihan sampel kajian dipilih secara rawak kepada semua mahasiswa Pendidikan Islam.

## 1.12 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah menghuraikan secara terperinci mengenai pemboleh ubah yang ingin diteliti oleh pengkaji di dalam kajian yang dilakukan.

### 1.12.1 Kemahiran

Menurut Aizzat et. al (2006), merujuk kepada Hellriegel, Slocum dan Daft, kemahiran bermaksud kebolehan yang mempunyai perkaitan dengan prestasi dan tidak semestinya diwarisi. Menurutnya, kemahiran secara teknikal pula merupakan pemahaman dan kecekapan dalam melaksanakan tugas yang spesifik merangkumi penguasaan kaedah, teknik serta peralatan yang dikaitkan dengan fungsi-fungsi spesifik. Ianya juga meliputi pengetahuan khusus, keupayaan analitikal serta penggunaan peralatan dan teknik yang cekap dalam menyelesaikan masalah kerja.

Dalam konteks e-pembelajaran, kemahiran teknikal melibatkan kecekapan dalam mengendalikan platform pembelajaran digital (e-pembelajaran), memahami perisian dan aplikasi yang digunakan, serta kemampuan menyelesaikan masalah teknikal yang mungkin dialami semasa proses pembelajaran. Sebagai contoh, penguasaan dalam menggunakan *Learning Management System (LMS)* seperti *Moodle* atau *Blackboard* adalah penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Oleh itu, berdsarkan kajian ini, pengkaji mentafsir kemahiran sebagai kecekapan dan kepandaian

dalam mengendalikan e-pembelajaran serta peranti elektronik dan aplikasi-aplikasi teknologi yang terlibat sepanjang mengendalikan pembelajaran secara maya.

### 1.12.2 Sikap

Menurut Azizi et. al. (2005), sikap bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat (fikiran). Sikap juga diterjemahkan sebagai suatu kaedah mengekspresi perasaan, pemikiran atau tingkah laku. Sikap bersifat umum dan terbuka iaitu berbentuk abstrak yang bermaksud perasaan dan tanggapan seseorang itu kepada sesuatu adalah berdasarkan pengalaman atau pemerhatiannya yang menyebabkan dia menyukai atau sebaliknya terhadap perkara tersebut.

Menurut Azizi et. al. (2005), melihat kepada definisi sikap dalam bahasa Inggeris pula ada menyebutkan tiga elemen iaitu perasaan, pemikiran dan tingkah laku. Elemen-elemen ini sebenarnya merupakan aspek penting dalam sikap. Menurutnya, sikap dianggap suatu keadaan yang mana sekiranya keadaan dalaman (jiwa) menghasilkan tindakan yang baik, maka sikap itu dikatakan baik dan begitulah sebaliknya. Sikap juga terdiri daripada tiga elemen penting iaitu perasaan atau emosi, pemikiran atau intelektual dan tingkah laku atau jasmani.

Dalam konteks e-pembelajaran, ianya merujuk kepada bagaimana seseorang mahasiswa itu menerima dan menyesuaikan diri dengan penggunaan e-pembelajaran.

Sikap positif terhadap e-pembelajaran dapat meningkatkan motivasi dan keberkesanan pembelajaran, manakala sikap negatif boleh menjadi penghalang kepada penerimaan teknologi e-pembelajaran sebagai medium belajar. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, pengkaji mentafsir sikap sebagai tingkah laku, perangai, akhlak dan disiplin mahasiswa dalam mengurus pembelajaran secara maya berdasarkan komitmen dalam menyelesaikan tugas yang diberikan melalui e-pembelajaran.

### 1.12.3 Cabaran

Menurut Dr. Mohd Daud Bakar (wawancara *Amanie Global Islamic Finance Advisor*), cabaranlah yang akan menolak kita untuk berada di puncak dan cabaran adalah sesuatu yang mesti berlaku dalam proses menuju kejayaan. Di dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan cabaran sebagai tindakan dan kesan mencabar yang merujuk kepada persaingan atau cetusan seseorang. Cabaran juga boleh ditakrif sebagai kekangan, halangan dan dugaan yang menjadi penghalang kepada sesuatu matlamat atau perbuatan yang ingin dicapai.

Menurut Fairuzah et. al. (2019), cabaran boleh dilihat menerusi dua sudut pandang iaitu positif dan negatif. Berdasarkan sudut pandang positif, cabaran mewujudkan kesedaran untuk membina kekuatan dan benteng pertahanan yang kukuh. Menerusi sudut pandang negatif pula, cabaran adalah satu usaha untuk menghalang sesuatu yang sedia ada dan mengganti dengan sesuatu yang baru dalam acuan yang baru. Oleh itu, cabaran

merupakan tugas yang memerlukan seseorang itu untuk mengatasi masalah dan kekangan yang dihadapi dalam mencapai kemajuan atau kejayaan dalam satu-satu perkara.

Dalam konteks e-pembelajaran ini, cabaran yang dimaksudkan merangkumi isu teknikal seperti masalah sambungan internet, kekurangan peralatan atau peranti yang sesuai serta faktor persekitaran yang tidak kondusif. Selain itu, cabaran juga boleh datang dari sikap mahasiswa yang mungkin kurang berdisiplin atau kurang motivasi dalam mendepani persekitaran e-pembelajaran.

#### 1.12.4 E-Pembelajaran

Merujuk kepada Dasar E-Pembelajaran Universiti Utara Malaysia, e-pembelajaran ialah satu set aplikasi yang merangkumi pembelajaran berasaskan komputer, digital, laman sesawang dan pembelajaran berasaskan maya. Menurut Nedeva & Dimova (2010), e-pembelajaran bermaksud pendidikan melalui internet, rangkaian atau *standalone computer* yang mana pada dasarnya adalah pemindahan kemahiran dan pengetahuan yang menggunakan rangkaian internet seperti penggunaan aplikasi dan peralatan elektronik untuk belajar.

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011), e-pembelajaran bermaksud penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran. Menurut Seri Lanang & Dahlia (2013), e-pembelajaran

berkait rapat dengan penggunaan internet, penghantaran kandungan dan isi pelajaran menerusi semua media elektronik. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendefinisikan e-pembelajaran sebagai medium dan aplikasi pembelajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran atas talian. Ianya merangkumi pelbagai aspek pembelajaran maya dengan pelbagai jenis aplikasi selagi mana ianya menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan teknologi. Ianya juga merujuk kepada penggunaan platform digital dan aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian seperti forum perbincangan, video interaktif dan alat kolaboratif lain yang menyokong pembelajaran jarak jauh.

### 1.13 Rumusan

Dalam kajian ini pengkaji telah menyatakan tujuan kajian ini dijalankan. Hasil kajian ini sangat penting kepada mahasiswa, barisan pensyarah, pihak fakulti mahupun di peringkat Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi merancang program-program peningkatan kualiti pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi. Selain itu, kajian ini dapat mengenalpasti keberkesanan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa serta cabaran dalam mengendalikan e-pembelajaran di Universiti Pendidikan Sultan Idris agar dapat dijadikan sebagai rujukan kepada mahasiswa, barisan pendidik dan juga graduan pendidikan Islam selepas mereka bergraduasi nanti.